

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**ANALISIS PRAKTIS KAEDEAH
HALAQAH DALAM PENDIDIKAN DI
INSTITUSI PENGAJIAN PONDOK
NEGERI KELANTAN**

**MOHD ZAHIRWAN HALIM BIN ZAINAL
ABIDIN**

Tesis yang dikemukakan
bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

November 2019

ABSTRAK

Kaedah halaqah dalam pendidikan Islam masih diperaktikkan di institusi pengajian pondok negeri Kelantan sehingga kini. Ia kekal bertahan kerana masyarakat masih mempercayai bahawa sistem pendidikan pondok berupaya untuk membentuk kekuatan insaniah di dalam diri pelajar. Namun, terdapat pandangan sistem pengajian dan kaedah pendidikan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian pondok perlu ditransformasi bersesuaian dengan tuntutan globalisasi pendidikan semasa. Kaedah halaqah bercorak pengajian sehala melalui syaranan sepenuhnya serta statik perlu dinilai keberkesanannya dalam aspek-aspek tertentu. Justeru, objektif kajian ialah untuk mengkaji kaedah halaqah dalam aspek praktis, keberkesanan dan penambahbaikan terhadap kaedah ini di institusi pengajian pondok negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan rekabentuk Kaedah Gabungan (*Mixed Methode*) yang dicadangkan oleh Creswell dan Clerk (2011) iaitu data-data diperolehi melalui sumber kualitatif (temubual, pemerhatian -dan dokumen) digabungkan dengan dapatan data soal selidik responden dalam populasi yang telah ditentukan di Pondok Lubuk Tapah, Pondok Pasir Tumbuh dan Pondok Sungai Durian di negeri Kelantan. Dapatan kajian menunjukkan kaedah halaqah masih relevan dilaksanakan dan memberi kesan positif dalam aspek minat, kefahaman, fokus dan adab para pelajar pondok. Selain itu, beberapa penambahbaikan juga telah disyorkan oleh para informan dengan syarat kaedah halaqah dikekalkan sebagai salah satu kaedah utama dalam sistem pengajian pondok. Dapatan kuantitatif pula telah menyokong data kualitatif dengan keseluruhan analisis mencapai keputusan keseluruhan yang tinggi dan sederhana sama ada di kalangan guru pondok atau pelajar pondok. Analisis praktis mencapai keputusan ($M=4.58$) di kalangan guru pondok dan ($M=4.39$) di kalangan pelajar pondok, analisis keberkesanan berkaitan minat ($M=4.06$) di kalangan guru pondok serta ($M=4.07$) di kalangan pelajar pondok, aspek kefahaman ($M=4.20$) di kalangan guru pondok dan ($M=4.55$) di kalangan pelajar pondok, aspek fokus ($M=4.47$) di kalangan guru pondok sementara di kalangan pelajar pondok pula berada pada tahap sederhana ($M=3.38$), aspek adab ($M=4.31$) di kalangan guru pondok manakala ($M=3.42$) di kalangan pelajar pondok dan yang terakhir berkaitan penambahbaikan kaedah halaqah di pondok ($M=4.45$) di kalangan guru pondok serta ($M=3.93$) di kalangan pelajar pondok. Hasil kajian membuktikan kaedah halaqah memberi kesan yang positif dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dengan penambahbaikan terhadap teknik pengajaran. Suasana pembelajaran juga menyeronokkan dan dapat memacu sistem pendidikan pondok ke arah yang lebih cemerlang. Kajian ini juga dapat membuka ruang kepada kajian lanjutan dalam aspek yang lebih khusus merangkumi kualiti pengurusan, pelan pengajian, kurikulum yang memenuhi keperluan semasa, penerusan pengajian pelajar serta lapangan kerjaya .

PENGHARGAAN

Segala pujian hanya bagi Allah SWT kerana melorongkan jalan dan ruang bagi diri yang serba kekurangan ini untuk meneruskan pemuasafiran ilmu. Selawat dan salam kepada junjungan besar bagindaNabi Muhammad SAW.

Setinggi penghargaan dengan ucapan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Huzaimeh Hj. Ismail selaku penyelia utama kajian ini, mantan penyelia Profesor Madya Dr. Pisol Maidin dan juga penyelia bersama Dr. Mohd Asmadi Yakob di atas tumpuan tenaga, masa, pandangan dan idea serta semangat yang diberikan. Begitu juga, kesanggupan untuk memberikan semangat dan motivasi dalam menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan juga dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA selaku majikan yang menawarkan tajaan sehingga membolehkan saya melanjutkan pengajian ke peringkat ini. Tidak dilupakan juga para panel pakar yang turut sama menyumbangkan tenaga, masa dan idea bagi melengkapkan kajian ini.

Kalungan pujian dan terima kasih penuh rahmah dan *mawaddah* kepada ibu saya Hjh. Mek@Hasnah Salleh serta mertua Hj. Asin@Zakaria Junoh dan Hjh. Che SomDaud yang sentiasa mendoakan saya, mengambil berat tentang pengajian saya ini. Titipan doa keampunan dan rahmat buat bapa saya Allahyarham Hj. Zainal Abidin Hussain yang telah pergi menemui Ilahi sejak dua dekad lalu. Tidak lupa isteri tercinta Nor Aizatilkhairani Asin@Zakaria, ungkapan dan bicara kata penghargaan dan terima kasih juga abang ucapan. Anak-anak tersayang Maisara dan Amira, terima kasih kerana menghiburkan hati ini ketika berada dalam keadaan sukar dan penat.

Akhir sekali, penghargaan juga disampaikan kepada seluruh warga Universiti Teknologi MARA terutama para pensyarah, kakitangan dan sahabat-sahabat yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung. Terima kasih tidak terhingga buat kalian semua. Alhamdulillah atas kurniaan yang tidak ternilai dari Mu ini Ya Allah.

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
PERAKUAN PANEL PEMERIKSA	ii
PERAKUAN PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAIJADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI TRANSLITERASI	xviii
SENARAI SINGKATAN	xx
BAB SATU: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	10
1.4 Tujuan, Objektif Dan Persoalan Kajian	11
1.4.1 Tujuan Kajian	11
1.4.2 Objektif Kajian	12
1.4.3 Soalan Kajian	13
1.5 Rasional dan Signifikan Kajian	13
1.6 Limitasi dan Skop Kajian	14
1.7 Sorotan Penulisan	15
1.7.1 Sorotan Penulisan Tentang Pendidikan	15
1.7.2 Sorotan Penulisan Tentang Halaqah	18
1.7.3 Sorotan Penulisan Tentang Institusi Pengajian Pondok	27
1.8 Kerangka Konseptual	33
1.8.1 Model IPOO (<i>Input, Process, Output, Outcome</i>)	33
1.8.2 Model Proses Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ibnu Khaldun	36
1.9 Definisi Operasi Tajuk	45

1.10 Metodologi Kajian	46
1.10.1 Pengenalan	46
1.10.2 Reka Bentuk Kajian	47
1.10.3 Kawasan Kajian, Populasi dan Sampel Kajian	55
1.10.3.1 Kawasan Kajian	55
1.10.3.2 Populasi dan Sampel Kajian	55
1.10.3.3 Kaedah Persampelan dan Penentuan Saiz Sampel	56
1.10.4 Instrumen Kajian	59
1.10.4.1 Instrumen Temubual	59
1.10.4.2 Instrumen Pemerhatian	61
1.10.4.3 Instrumen Soal Selidik	62
1.10.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	63
1.10.5.1 Kesahan	64
1.10.5.2 Kebolehpercayaan	66
1.10.6 Kajian Rintis	68
1.10.7 Tatacara Pengumpulan Data	71
1.10.8 Tatacara Penganalisisan Data	74
1.10.8.1 Analisis Data Kualitatif	74
1.10.8.2 Analisis Data Kuantitatif	77
1.11 Sistematis Penulisan	79
1.12 Kesimpulan	81

BAB DUA: KAEDEAH HALAQAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM	83
2.1 Pengenalan	83
2.2 Konsep Halaqah Dalam Pendidikan Islam	85
2.2.1 Definisi Halaqah	86
2.2.2 Pelaksanaan Majlis Ilmu (Halaqah) Dalam al-Quran	90
2.2.3 Kaedah Halaqah Dalam Hadis-Hadis Rasulullah SAW	92
2.3 Sejarah Perkembangan Kaedah Halaqah	100
2.3.1 Kaedah Halaqah Pada Zaman Rasulullah SAW	100
2.3.2 Kaedah Halaqah Pada Zaman Para Khulafa' al-Rasyidin	101
2.3.3 Kaedah Halaqah Zaman Dinasti Islam	103
2.4 Matlamat Pelaksanaan Kaedah Halaqah	105
2.4.1 Pemantapan Akidah dan Syariat ,	106